

Media Title : Kosmo
Headline : Inisiatif tingkat pemahaman orang ramai mengenai scam
Date : 14 February 2024
Section : Hib Glam
Page : 29



Infiniti

Elektro

BERDASARKAN laporan terkini Pakar Penyelidikan Pasaran Global dan Pendapat Awam (Ipsos), 76 peratus rakyat Malaysia pernah menghadapi dan menjadi sasaran penipuan dalam hidup mereka.

Sementara itu, rekod daripada Pusat Respons Scam Kebangsaan pula melaporkan bahawa lebih RM1.34 bilion wang milik mangsa telah hilang kepada penipu (scammer) pada tahun lalu.

Dalam usaha meningkatkan inisiatif kesedaran yang lebih berkesan dan disasarkan, CelcomDigi Berhad (CelcomDigi) melancarkan Kaji Selidik Kesedaran Scam demi menilai pengetahuan umum tentang penipuan dan kaedah pencegahan yang berkaitan.

Menurut Ketua Kelestarian CelcomDigi, Philip Ling, usaha tersebut bermula pada 6 Februari lalu bersempena Hari Keselamatan Internet (Safer Internet Day).

Kaji selidik itu dijalankan dengan kerjasama 307 buah pusat internet atau Pusat Ekonomi Digital (PEDi) yang diuruskan oleh CelcomDigi.

Kajian itu menyasarkan sebanyak 10,000 maklum balas daripada rakyat Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.

"Apabila scammer semakin maju dalam mengancam kesejahteraan rakyat Malaysia, kami mahu mengoptimumkan sumber-sumber untuk memacu ketersediaan lebih kukuh.

"Hasil kajian ini adalah penting untuk memastikan inisiatif pendidikan awam boleh menangani jurang tertentu dalam meningkatkan kesedaran scam sambil mewujudkan lebih banyak kempen," katanya menerusi satu kenyataan akhbar baru-baru ini.

Tambahnya, hasil kajian itu juga akan

Inisiatif tingkat pemahaman orang ramai mengenai scam



SEBANYAK RM1.34 bilion wang rakyat di negara ini telah hilang kepada scammer pada tahun lalu.

- GAMBAR HIASAN

memberi wawasan kepada penggubal dasar dan agensi penguatkuasaan untuk meningkatkan tindakan kolektif dalam perang terhadap scam.

Kongsinya lagi, CelcomDigi turut mengamalkan prinsip mudah berpanduan ACT (*Awareness, Compliance, Technology*).

Ia bagi mewujudkan kesedaran, meningkatkan tahap kepatuhan dalam

operasi perniagaan sambil menyokong usaha badan penguat kuasa dan memanfaatkan kuasa teknologi bagi mengatasi ancaman siber.

"Selain daripada kaji selidik ini, syarikat juga telah menjadi daya pendorong dalam meningkatkan pengalaman internet lebih selamat untuk semua rakyat Malaysia.

"Antara inisiatif yang telah dijalankan

termasuk memulakan kempen kesedaran awam Jelajah Anti-Scam Kebangsaan di seluruh negara pada tahun lalu.

"Ia satu siri ceramah keselamatan digital SAFE @Schools bagi para pelajar serta mewujudkan satu halaman sehati untuk orang ramai mengakses dan memuat turun bahan keselamatan digital dengan mudah," ujarnya.